

# UPM perluas kursus dalam talian

» Tawar pelbagai kursus pendek secara percuma



Alyani (kanan) menunjukkan cara melayari PutraMOOC kepada pelajar UPM.



Oleh Rosniza Mohd Taha  
yoniza@bh.com.my

### Serdang

**P**engenalan Kursus Dalam Talian Terbuka Besar-Besaran Putra (PutraMOOC) sejak pertengahan April lalu membolehkan Universiti Putra Malaysia (UPM) berkongsi ilmu diajar di universiti dengan masyarakat tempatan dan antarabangsa.

Timbalan Pengarah (Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran), Pusat Pembangunan Akademik (CADe), UPM, Prof Madya Dr Alyani Ismail, berkata pelaksanaan kursus pendek pelbagai bidang ilmu menerusi <http://putramooc.upm.edu.my> itu terbuka kepada sesiapa saja yang berminat menyertainya tanpa dikenakan yuran.

edu.my itu terbuka kepada sesiapa saja yang berminat menyertainya tanpa dikenakan yuran.

### Kuliah interaktif

Katanya, kuliah menerusi video, forum interaktif, bualan, kuiz dan pelbagai bentuk tugas secara interaktif menjadi pengisian bagi menggalakkan perkongsian pengetahuan dan pembabitan aktif peserta sepanjang tujuh hingga lapan minggu mengikut kursus.

"Pengenalan PutraMOOC ini sejajar sasaran Dasar e-Pembelajaran Negara iaitu semua universiti awam menyediakan Sumber Pendidikan Terbuka dan Kursus Terbuka Dalam Talian yang boleh diakses oleh masyarakat global pada kadar minimum 15 peratus.



**Saya menggunakan aplikasi buulan ketika mengikuti Kursus Pertanian dan Manusia untuk berinteraksi dengan peserta luar negara bagi memperoleh pengetahuan mengenai amalan pertanian terkini di negara mereka"**

**Mohamad Zamanshul Azman,**  
Pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Pengguna UPM

Pelajar UPM,  
Lok Chai Yee  
**melayari laman sesawang PutraMOOC.**

### Tingkat jenama universiti

"Pelaksanaan kursus ini diharap dapat meningkatkan penjenamaan UPM di peringkat tempatan dan antarabangsa, sekali gus mampu menarik lebih ramai pelajar antarabangsa ke universiti ini," katanya.

Alyani berkata, PutraMOOC menawarkan Kursus Pertanian dan Manusia serta Kursus Kesenian Melayu sebagai perintis bermula April lalu kerana ia adalah antara bidang kebitaraan yang dapat menampilkan keunikan kursus ditawarkan UPM.

Katanya, Kursus Pertanian dan Manusia yang berakhir bulan lalu mendapat sambutan lebih 100 peserta berumur antara 20 hingga 50 tahun dari pelbagai negara.

"Transformasi dan revolusi pemodenan sektor pertanian, amalan pertanian lestari, peranan sektor pertanian dalam ekonomi serta inovasi dalam sektor pertanian antara pendedahan diberikan kepada peserta dalam kursus tujuh minggu itu.

"Bagi memastikan ilmu difahami umum, kandungan kuliah seminggu dirangkumkan dalam bentuk video dengan durasi tiga jam saja dan ia boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana saja," katanya.

### Kursus seni Melayu

Sementara itu, Ketua Bahagian Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran CADe, Chan Kim Fatt, berkata, ketika ini Kursus Kesenian Melayu memasuki minggu ketiga daripada keseluruhan lapan minggu pengajian.

Kursus itu merangkumi topik seni halus ukiran keris, manuskrip Melayu, seni bina rumah tradisional Melayu, kraftangan dan seni persembahan.

Katanya, peserta akan menerima penyata tamat kursus menandakan mereka berjaya memenuhi semua keperluan kursus.

"Tidak semua peserta mengikuti semua modul dalam kursus, ada yang sekadar mengikuti kuliah saja dan tidak mengambil bahagian dalam kuiz atau forum.

"Kuiz diberikan pada akhir setiap topik kursus bukan bertujuan memberi pemarkahan kepada peserta, sebaliknya sekadar instrumen bagi mereka menilai tahap pemahaman secara kendirinya."



**Saya mengikuti Kursus Pertanian dan Manusia bagi mendapatkan maklumat asas mengenai sektor pertanian yang mempunyai kaitan rapat dengan bidang pengajaran"**

**Rafidah@Norhasliza  
Mohd Ariff,**  
Pelajar Sarjana Sains  
(Teknologi Makanan) UPM

ilmu dan interaksi antara peserta dengan berkongsi pandangan, cadangan serta senario dan amalan berbeza di negara masing-masing," katanya.